

29 MAY 2001

PRESIDEN VENEZUELA BERLEPAS KE JAKARTA

SEPANG, 29 Mei (Bernama) -- Presiden Venezuela Hugo Chavez berlepas ke Jakarta hari ini untuk menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) selepas melakukan lawatan singkat ke Malaysia.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi dan Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad mengucapkan selamat jalan kepada presiden itu di lapangan terbang antarabangsa KL.

Di Putrajaya pagi ini Chavez mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga akan menghadiri persidangan kemuncak G15 itu.

Chavez yang tiba semalam bersama delegasi 30 anggota termasuk menteri dan ahli perniagaan negara itu, telah juga menemui Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Selepas pertemuan itu Dr Lim memberi pemberita bahawa kementerian itu sedang berusaha mendapatkan lebih banyak pengeluar minyak sawit tempatan untuk menyertai usahasama dengan syarikat Venezuela.

Beliau berkata sehingga ini hanya sebuah syarikat Malaysia, Harum Prestij Sdn Bhd, yang menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat di negara Amerika Selatan itu tahun lepas untuk menjalankan usaha penanaman kelapa sawit di negara berkenaan.

-- BERNAMA

NZ AZZ NMO